

BAB 4

ANALISIS PENSEJARAHAN PENYERTAAN CALON WANITA MUSLIM DALAM PILIHAN RAYA UMUM DARI TAHUN 1959-2008 DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Bab ini akan menjurus kepada penganalisaan terhadap perjalanan penyertaan calon wanita Muslim dalam PRU dari tahun 1959 hingga 2008 bagi kerusi DUN dan Parlimen di Semenanjung Malaysia. Aspek penyertaan ini dianalisa mengikut musim demi musim PRU dijalankan dan dinilai secara keseluruhannya dengan disertai beberapa rajah carta agar penjelasan dapat diteliti dengan lebih lanjut.

4.1: Penyertaan calon wanita Muslim dalam PRU 1959-2008 di Semenanjung Malaysia bagi kerusi DUN dan parlimen

Penyertaan calon-calon dalam pilihan raya di Malaysia telah ditetapkan mengikut jumlah kerusi yang dipertandingkan. Mengenai kerusi DUN dan Parlimen di Semenanjung Malaysia, jumlah keseluruhan kerusi yang dipertandingkan adalah berbeza mengikut negeri dan waktu pilihan raya umum diadakan. Oleh yang demikian, bilangan calon-calon yang menyertai turut berubah dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, bilangan kerusi DUN pada tahun 1959 bagi negeri Johor ialah 32 kerusi. Manakala pada tahun 2008 iaitu setelah 12 musim pilihan raya, pertambahan kerusi DUN bagi negeri Johor berjumlah 56 kerusi. Bilangan kerusi Parlimen di negeri Johor berjumlah 16 pada tahun 1959 dan sebanyak 26 kerusi pada tahun 2008.

Jadual 4.1 menunjukkan perbandingan jumlah kerusi DUN dan Parlimen pada tahun 1959 dan 2008 bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya dipertandingkan

bagi kerusi Parlimen sahaja. Selain itu, kedua-dua kawasan ini tidak wujud sehinggalah tahun 1974 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan 2004 (Wilayah Persekutuan Putrajaya).

Jadual 4.1: Perbandingan jumlah kerusi DUN dan Parlimen bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 1959 dan 2008


<i>NEGERI</i>	<i>JUMLAH KERUSI</i> <i>DUN</i>		<i>JUMLAH KERUSI</i> <i>PARLIMEN</i>	
	1959	2008	1959	2008
Johor	32	56	16	26
Kedah	24	36	12	15
Kelantan	30	45	10	14
Melaka	20	28	4	6
Negeri Sembilan	24	36	6	8
Pahang	24	42	6	14
Perak	40	59	20	24
Perlis	12	15	2	3
Pulau Pinang	24	40	8	13
Selangor	28	56	14	22
Terengganu	24	32	6	8
Wilayah P. Kuala Lumpur	-	-	-	10
Wilayah P. Putrajaya	-	-	-	1
	282	445	104	221

Sumber: Ensiklopedia Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Perbezaan jumlah kerusi DUN dan Parlimen di negeri-negeri Semenanjung Malaysia berlaku kerana kawasan yang dipertandingkan mengikut persempadanan dalam tempoh 8 tahun sekali. Pada tahun 1959, jumlah kawasan DUN dan Parlimen sangat kecil jika dibandingkan dengan tahun 2008. Maklumat mengenai persempadanan yang dilakukan oleh SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) ini telah dihuraikan dalam bab 2.

Berdasarkan bilangan penyertaan calon wanita Muslim di kesemua negeri Semenanjung Malaysia yang telah dipaparkan dalam bab 3, penulis telah melakar graf dan jadual untuk mendapatkan analisis yang lebih lengkap terutamanya dari aspek pensejarahan. Jadual 4.1 menunjukkan penyertaan wanita Muslim dalam PRU tahun 1959 sehingga 2008 di Semenanjung Malaysia bagi kerusi DUN dan Parlimen dalam bentuk graf.

Rajah 4.1: Penyertaan wanita Muslim dalam PRU tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia bagi kerusi DUN dan Parlimen



Menerusi rajah 4.1, graf menunjukkan bilangan calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum bagi kerusi DUN dan Parlimen di Semenanjung Malaysia dari tahun 1959 sehingga 2008, mengalami kenaikan pada permulaannya, penurunan pada pertengahannya dan kembali meningkat naik pada penghujungnya. Oleh yang demikian, penulis membahagikan tiga tahap berdasarkan pemerhatian dalam rajah 4.1. Iaitu tahap pertama bermula pada tahun 1959 sehingga tahun 1969. Tahap kedua pula

merangkumi pilihan raya dari tahun 1974 sehingga 1982 dan seterusnya tahap ketiga ialah dari tahun 1986 sehinggalah tahun 2008.

Penyertaan calon wanita Muslim pada tahun 1959 - 1969

Jika diteliti, tahap pertama pilihan raya umum yang meliputi tahun 1959 sehingga 1969 bagi kerusi DUN dan parlimen berada dalam jumlah yang kecil. Umpamanya, tahun 1959 hanya merekodkan sekadar 12 orang calon wanita Muslim dan jumlah tersebut bertambah menjadi 14 orang selama dua musim berturut-turut bagi kerusi DUN pada tahun 1964 dan 1969. Manakala bagi kerusi parlimen pula, hanya empat calon yang menyertai pilihan raya bagi tiga musim berturut-turut.

Keadaan ini adalah disebabkan oleh tahap kesedaran yang masih rendah di kalangan wanita Muslim dalam menyertai pilihan raya. Menurut Wan Abdul Kadir Yusoff, golongan wanita Melayu umumnya pada waktu ini memberi hak kepimpinan berbentuk formal mahupun tidak formal pada bahu lelaki dalam aspek penglibatan sosial.¹³³ Secara tidak langsung, mereka dapat memberi tumpuan sepenuhnya sebagai seorang isteri dan ibu dalam pengurusan rumah tangga. Meskipun masyarakat Melayu dikenali dengan semangat nasionalisme pada waktu ini, namun hanya sebahagian wanita sahaja yang mengambil tindakan berani dengan menyertai pilihan raya.

Peringkat awal ini kita dapat menyaksikan beberapa tokoh yang memulakan langkah awal dalam pilihan raya seperti Fatimah Abd. Majid, Aishah Ghani, Khadijah Sidik, Fatimah Hashim, Zain Sulaiman (Ibu Zain) dan ramai lagi. Kecekalan mereka sepanjang arena politik pada waktu ini dapat dilihat apabila ada di antara mereka berjaya mendapat tempat dalam menteri kabinet.

¹³³ Wan Abdul Kadir Yusoff, "Nilai dan World-View Orang Melayu tentang Gender" dalam *Gender, Budaya dan Masyarakat*, ed. Rokiah Talib dan Shanthi Thambiah (Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2008), 9.

Manakala sebahagian yang lain pula lebih selesa dengan memainkan peranan sebagai pengundi atau memberi sokongan berbanding menjadi calon pilihan raya. Peranan mereka dapat dilihat sebagai 'sayap' parti seperti parti UMNO, MCA, MIC, PAS, DAP dan parti Melayu Semangat 46, walaupun hakikatnya mereka mahu penglibatan yang sama rata seperti dalam gerakan ideologi yang lebih besar sama ada nasionalis, demokrasi dan sebagainya.¹³⁴ Golongan ini masih mementingkan aspek peranan mereka dalam hal ehwal rumahtangga berbanding dalam hal ehwal politik. Tambahan pula, untuk menjadi calon bagi kerusi Parlimen agak sukar jika dibandingkan dengan kerusi DUN kerana sekiranya mereka berjaya memenangi kerusi tersebut, tugas mereka akan menjadi berat yakni menjawat jawatan dalam kementerian.

Selain itu, faktor pendidikan turut menjadi punca wanita Muslim keberatan menyertai pilihan raya. Umumnya taraf pendidikan di Malaysia pada waktu ini agak perlahan bagi golongan wanita. Mengikut adat tradisi masyarakat Melayu, mereka mengakui bahawa anak perempuan tidak perlu mendapat pendidikan tinggi kerana akhirnya mereka akan mendirikan rumahtangga dan seterusnya menjadi surirumah sepenuh masa.¹³⁵ Lantaran itu, kebanyakan mereka telah pun berumahtangga setelah tamat sekolah rendah atau sekolah menengah. Kebanyakan wanita Muslim yang menyertai pilihan raya pada peringkat ini mempunyai latar belakang yang cukup baik dalam aspek pendidikan serta dibesarkan dalam keluarga yang telah pun terbabit dalam politik di Malaysia suatu ketika dahulu.

Begitu juga dalam hal berkaitan dengan parti-parti politik yang wujud pada waktu itu seperti Perikatan (UMNO), PAS, IMP dan Parti Negara yang masih belum melihat kehebatan wanita dalam aspek politik. Kuota atau peruntukan untuk wanita

¹³⁴ Sharifah Zaleha Syed Hassan, ed., "Trends and Forms of Women's Participation in Politics" dalam *Malaysian Women in the Wake of Change*, Rashila Ramli dan Saliha Hassan (Kuala Lumpur: Gender Studies Programme, Faculty of Arts and Social Science, 1998), 90

¹³⁵ Jamilah Ariffin, *Women & Development*, 56.

Muslim berada dalam pilihan raya belum jelas kelihatan. Oleh yang demikian, wanita Muslim mengalami kesukaran terutama dari sudut kewangan dan bantuan untuk menempatkan diri dalam pilihan raya. Malah mereka terpaksa melakukan boikot bagi menyuarakan permintaan terhadap golongan lelaki sepertimana yang berlaku dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955. Pencalonan Halimahton Abdul Majid dalam pilihan raya itu benar-benar menyedarkan lelaki betapa kesungguhan wanita Muslim dalam aspek politik. Justeru, tidak hairanlah mengapa perjalanan wanita Muslim dalam politik waktu ini tidak begitu membanggakan kerana faktor-faktor yang telah disebutkan ini.

Penvertaan calon wanita Muslim pada tahun 1974- 1982

Seterusnya pada pilihan raya 1974 pula, berlaku perubahan dengan peningkatan sebanyak 17 calon berbanding 14 calon pada 1969 bagi kerusi DUN. Manakala jumlah calon wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum bagi kerusi Parlimen juga meningkat kepada lapan calon berbanding empat sebelum ini. Penulis berpendapat, peningkatan jumlah calon pada waktu ini ada kaitannya dengan suasana persekitaran yang berlaku dalam awal 70-an dan dalam pilihan raya sebelumnya iaitu 1969.

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan suatu kejutan bagi penduduk Malaysia kerana telah berlaku peristiwa yang membabitkan isu perkauman. Menurut Faridah Hamzah¹³⁶, keadaan pada waktu itu terlalu menakutkan baginya yang masih kecil. Menceritakan kembali apa yang berlaku, beliau sentiasa berada dalam ketakutan terutama pada waktu malam. Ini kerana golongan lelaki berbangsa Melayu terpaksa mengambil langkah berjaga-jaga mengawal kawasan kampung sambil memegang kayu api untuk mengelakkan daripada serangan kaum Cina. Keadaan ini bertambah buruk apabila seorang pekerja UMNO dibunuh oleh pemuda-pemuda bukan berbangsa Melayu yang

¹³⁶ Faridah Hamzah (pesara kerajaan), dalam temu bual dengan penulis, 12 Ogos 2013.

dipercayai anggota Parti Buruh pada 12 April 1969 di Pulau Pinang.¹³⁷ Selain dari itu, turut berlaku beberapa pergaduhan yang melibatkan kerosakan seperti melontar batu ke kedai-kedai di jalan raya, memecahkan cermin kereta dan sebagainya.¹³⁸

Penulis percaya peristiwa yang berlaku pada 1969 memberi kesan yang tersendiri bagi golongan Melayu dalam pilihan raya 1974. Wanita Muslim juga tidak terkecuali dalam hal ini memandangkan kejadian seumpama ini seolah-olah memberi suatu semangat untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan bangsa Melayu dan agama Islam khususnya. Tambahan pula terdapat pihak lawan yang bertanding dalam pilihan raya 1969 berbangsa Cina. Menurut Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia waktu itu, beliau yakin penggerak utama peristiwa itu ialah anasir komunis yang dipengaruhi oleh negara China.¹³⁹

Selain itu, Peristiwa 13 Mei telah memberi kesan yang cukup mendalam khususnya dalam pentadbiran negara. Sebagai contoh, kerajaan telah mewujudkan pelbagai pembaharuan seperti melancarkan Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975). Secara tidak langsung, masyarakat Melayu dapat dibantu terutamanya dari aspek pendidikan dan ekonomi lantas sedikit sebanyak dapat menguasai kerjaya yang selama ini didominasi masyarakat bukan Bumiputera.

Antara lain, Barisan Nasional telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 1974 dan menghimpunkan beberapa parti politik lain seperti UMNO, MCA, MIC, Gerakan, PAS¹⁴⁰ dan sebagainya yang akhirnya berjaya mendominasi Dewan Rakyat serta membentuk kerajaan dalam Persekutuan Malaysia. Di sini kita dapat melihat kekuatan dalaman bangsa Melayu telah mula timbul kerana suasana pada waktu itu sememangnya

¹³⁷ Abdul Rahman Ismail, *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 345.

¹³⁸ Majlis Gerakan Negara, *Trajedi 13 Mei: Satu Laporan* (Kuala Lumpur: Majlis Gerakan Negara, 1969), 50.

¹³⁹ Ibid.

¹⁴⁰ Ibid, 359.

memberikan impak yang tinggi lebih-lebih lagi kepada wanita Muslim dalam aspek politik.

Sungguhpun demikian, bilangan calon wanita Muslim bagi kerusi DUN telah menurun kepada 14 orang pada 1978 dan 11 orang dalam pilihan raya 1982. Penulis beranggapan keadaan ini berlaku kerana segala pembaharuan yang dilakukan pada awal 70-an masih lagi dalam proses pengintegrasian kerana kerajaan dalam masa yang sama sedang berusaha menyelaraskan aktiviti pembangunan negara setelah kewujudan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Penvertaan calon wanita Muslim pada tahun 1986 - 2008

Seterusnya dalam tiga musim berikutnya, bilangan calon wanita Muslim meningkat dengan baik. Ini dapat dilihat pada tahun 1986, 1990 dan 1995 dengan jumlah calon yang menyertai adalah seramai 15 calon, 17 calon dan 24 calon bagi kerusi DUN. Manakala terdapat 7 calon pada 1986 diikuti 11 calon dan 14 calon pada tahun 1990 dan 1995 bagi kerusi Parlimen. Keadaan ini berlaku kerana beberapa faktor.

Penulis melihat faktor pertama terjadinya peningkatan penyertaan calon wanita Islam adalah berdasarkan pucuk pimpinan tertinggi dalam negara. Pilihan raya 1986 merupakan pilihan raya kedua bagi Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan Perdana Menteri keempat pada waktu itu. Kepimpinan Dr. Mahathir (Tun) sukar ditandingi kerana jasa dan sumbangan beliau sangat mengagumkan banyak pihak. Beliau juga antara Perdana Menteri yang menjawat jawatan PM paling lama di Malaysia iaitu dari tahun 1981 hingga 2003. Menurut Ahmad Atory Hussain, kewibawaan Dr. Mahathir

(Tun) terserlah apabila beliau tidak membelakangkan nasihat-nasihat dan panduan dari pegawai tinggi kerajaan yang pakar dalam pembangunan Negara.¹⁴¹

Secara tidak langsung, kepimpinan Dr. Mahathir yang berwibawa itu telah menarik ramai calon wanita Muslim untuk memberi sokongan dalam proses pilihan raya. Maka kita dapat melihat di antara calon-calon wanita Muslim itu muncul dengan gaya yang tersendiri untuk menunjukkan sokongan pada parti pemerintah. Antaranya seperti Napsiah Omar (PRU 1982, 1986, 1990, 1995- Parlimen Kuala Pilah), Rafidah Aziz (PRU 1982, 1986, 1990, 1995, 1999, 2004- Parlimen Kuala Kangsar), Zaleha Ismail (PRU 1982, 1986, 1990, 1995, 1999- Parlimen Tanjong Karang, Selayang & Gombak) dan Siti Zaharah Sulaiman (PRU 1986, 1990, 1995, 1999, 2004- Parlimen Mentakab & Paya Besar). Malah calon-calon ini mampu bertahan selama hampir satu dekad di samping dapat menjawat jawatan dalam kementerian.

Faktor kedua pula ialah kesan daripada kewujudan Dasar Wanita Kebangsaan yang bermula pada Disember 1992, di mana dasar ini berkaitan dengan hak dan tuntutan wanita dalam aspek pendidikan, undang-undang, politik, media dan agama.¹⁴² Penubuhan dasar ini adalah rentetan dari rancangan PBB yang mengisytiharkan Dekad Wanita yang bermula dari 1975 sehingga 1985. Agenda ini ialah untuk melibatkan wanita seluas-luasnya dalam bidang kerjasama antarabangsa di samping mengukuhkan hak, peluang dan tanggungjawab kedua-dua pihak, lelaki dan wanita.¹⁴³ Hasilnya, calon-calon wanita Muslim semakin teruja dan berani menyahut seruan itu dalam bidang politik khususnya. Dua calon wanita Muslim yang baru seperti Maznah Mazlan (1995, 1999, 2004, 2008- DUN Muadzam Shah) dan Shahrizat Abdul Jalil (1995, 1999, 2004,

¹⁴¹ Ahmad Atory Hussain, *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu 1990-2000* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1998), 149

¹⁴² Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad, *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum* (Bangi: Penerbit UKM, 2002), 149.

¹⁴³ Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran* (Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd, 1990), 4.

2008- Parlimen Lembah Pantai) ternyata membuktikan wanita Muslim mampu menghadapi apa jua rintangan demi menjulang martabat wanita.

Namun demikian, bilangan calon wanita Muslim menurun kepada 22 orang dalam pilihan raya 1999 bagi kerusi DUN tetapi keadaan tidak berubah bagi kerusi Parlimen kerana calon wanita Muslim masih kekal dengan 14 orang. Sungguhpun berlaku penurunan bagi kerusi DUN, penulis melihat pengurangan ini tidaklah begitu ketara jika dibandingkan dengan jumlah peningkatan calon dalam dua pilihan raya umum berikutnya.

Kita dapat menyaksikan peningkatan yang begitu mendadak pada 2004 dan 2008 sehingga mencecah 41 calon bagi kerusi DUN dan 19 calon bagi kerusi Parlimen. Bilangan ini merupakan yang tertinggi dalam rekod kemunculan wanita Muslim dalam menyertai pilihan raya di Malaysia. Sekiranya jumlah mereka pada peringkat awal pilihan raya begitu kecil, namun dalam tempoh 12 musim pilihan raya di Semenanjung Malaysia memperlihatkan perbezaan yang sangat ketara. Penulis berpendapat, kewujudan teknologi yang semakin maju pada zaman ini tidak dapat dinafikan lagi. Ramai wanita kini dapat menjalankan tugas dalam hal rumahtangga dengan lebih baik kerana dibantu dengan beberapa kemudahan seperti penggunaan peralatan teknologi dan juga bantuan pembantu rumah.

Justeru, beberapa halangan yang dilalui oleh calon wanita Muslim pada zaman lampau sudah boleh ditolak ketepi. Malah, kerajaan juga menyediakan kemudahan untuk menempatkan anak-anak kecil seperti di taska dan ruang penjagaan kanak-kanak di pejabat bagi ibu-ibu yang bekerjaya. Secara tidak langsung, wanita-wanita Muslim yang ingin menyertai politik boleh menarik nafas lega dan dapat meneruskan niat murni mereka tanpa rasa bimbang dan bersalah.


Meskipun bilangan calon wanita meningkat dengan baik, namun jika diteliti dalam aspek peratusan, penulis dapati telah berlaku ketidakseimbangan yang sangat ketara. Sebagai contoh, jumlah kerusi DUN di Semenanjung Malaysia pada tahun 1959 mengikut negeri ialah 282 kerusi. Manakala calon wanita Muslim yang menyertai hanyalah 12 orang sahaja. Oleh yang demikian, kadar peratusan ialah sebanyak 4.3%. Jumlah kerusi parlimen pula pada 1959 ialah sebanyak 104 kerusi dan calon wanita Muslim yang menyertai hanya sekadar empat orang sahaja dengan kadar 3.8. Berikut dapat dinyatakan dalam jadual 4.2.

Jadual 4.2: Peratusan penyertaan calon wanita Muslim dalam PRU 1959-2008 bagi kerusi DUN dan parlimen

TAHUN	JUMLAH KERUSI DUN	JUMLAH CALON WANITA MUSLIM	(%)	JUMLAH KERUSI PARLIMEN	JUMLAH CALON WANITA MUSLIM	(%)
1959	282	12	4.3	104	4	3.8
1964	282	14	5	104	4	3.8
1969	282	14	5	104	4	3.8
1974	312	17	5.4	114	8	7
1978	312	14	4.9	114	6	5.3
1982	312	11	3.5	114	7	6.1
1986	351	15	4.3	132	7	5.3
1990	351	17	4.8	132	11	8.3
1995	394	24	6.1	144	14	9.7
1999	394	22	5.6	144	14	9.7
2004	445	33	7.4	154	15	9.7
2008	445	41	9.2	221	19	8.6

Seterusnya kadar peratusan ini penulis nyatakan dalam bentuk carta pai seperti rajah 4.2.

Rajah 4.2: Peratusan calon wanita Muslim dalam PRU tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia bagi kerusi DUN dan Parlimen



Menerusi rajah-rajah dan jadual-jadual di atas, penulis dapati kedudukan wanita Muslim dalam aspek penyertaan pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia masih berada di tahap yang sangat rendah. Setelah diteliti, ketidakseimbangan ini lebih ketara jika di bandingkan di antara jumlah kerusi yang dipertandingkan dengan jumlah calon yang menyertai pilihan raya. Kebanyakan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh penyelidik lain, rata-ratanya mengkaji kedudukan wanita dalam politik tanpa dirigidkan kepada sesuatu kaum atau bangsa. Sekiranya wujud, kajian tersebut hanya meliputi era 40-an sehingga 70-an sepertimana yang tercatat dalam hasil karangan Lenore Manderson, *Women, Politics, and Change: The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972*.

Kajian-kajian antarabangsa menunjukkan kebanyakan negara-negara Asia mengalami kadar yang sangat perlahan jika dibandingkan dengan Barat dalam soal wanita dan politik. Antara negara-negara tersebut seperti Jepun, Taiwan, Korea Selatan,

Singapura dan Malaysia.¹⁴⁴ Menurut Kazuki Iwanaga, walaupun negara-negara ini telah maju dari sudut pendidikan dan bidang kerjaya professional, namun tahap kemajuan wanita dalam aspek politik tidak selari dengan apa yang telah dikecapi.

Sementara itu, terdapat kajian antarabangsa mengenai kebijaksanaan wanita dalam berpolitik. Andrea Fleschenberg dalam artikelnya yang berjudul *Asia's Women Politicians at the Top: Roaring Tigress or Tame Kittens?* menjelaskan bahawa kebanyakan tokoh-tokoh politik wanita Asia yang berpengaruh dalam politik mempunyai satu persamaan iaitu penyertaan mereka dalam bidang ini adalah bertitik tolak dari latar belakang keluarga yang berpolitik. Samada daripada ibu bapa, adik beradik, sanak saudara malah suami atau isteri masing-masing. Beliau mengaitkan seorang tokoh politik wanita di Malaysia yang menyertai bidang ini atas dasar perjuangan terhadap suami. Insan yang dikaitkan dengan laungan *reformasi* pada tahun 1998 itu ialah Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Keberanian beliau dalam hal perjuangan politik ini berlaku secara persendirian, yakni tanpa bantuan mana-mana pihak. Kejadian ini turut berlaku pada tokoh-tokoh wanita lain di negara Asia seperti Aung San Suu Kyi, Benazir Bhutto, Gloria Macapagal-Arroyo dan Sonia Ghandi.¹⁴⁵

Menurut Penyelaras Rancangan Pengajian Gender Universiti Malaya pula, Dr Shanthi Thambiah menyatakan kedudukan Malaysia semakin merosot dari segi indeks jurang gender. Pada peringkat antarabangsa, kedudukan Malaysia adalah 101 dikalangan 134 negara dan ini tidak begitu membanggakan kerana kita merosot dari kedudukan 92¹⁴⁶ (semasa musim PRU 11 iaitu pada tahun 2004).

¹⁴⁴ Kazuki Iwanaga, "Women and Politics in Asia: A Comparative Persepective" dalam '*Women's Political Participation and Repseresentation in Asia: Obstacles & Challenges*' (Denmark: Nias Press, 2008), 1.

¹⁴⁵ Andrea Fleschberg, "Asia's Women Politicians at the Top: Roaring Tigress or Tame Kittens?" dalam '*Women's Political Participation and Repseresentation in Asia: Obstacles & Challenges*' (Denmark: Nias Press, 2008), 37.

¹⁴⁶ Berita Harian, laman sesawang <http://www.bharian.com.my>, dicapai 27 September 2012.

Kesimpulan

Penyertaan calon wanita Muslim dalam pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia dapat dilihat mengalami kenaikan dan penurunan. Tidak dinafikan terdapat beberapa faktor serta peristiwa tertentu yang mempengaruhi penyertaan wanita Muslim dalam pilihan raya umum seperti persekitaran, pemimpin, arus kemodenan dan tahap pendidikan. Sesungguhnya penyertaan calon wanita Muslim dalam politik di Semenanjung Malaysia menyedarkan penulis bahawa bantuan dari semua pihak amat diperlukan untuk memantapkan lagi kedudukan mereka.